

Mendepani Kekeliruan Terhadap Sistem Politik Kepartian Dalam Islam

[Addressing the Confusion Surrounding the Political Party System in Islam]

Mujahid Mohammad Fadzil¹ & Rahim Kamarul Zaman²

¹ Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: ibnuirfadzil@gmail.com

² (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: abdulrahimkz51@gmail.com. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-5222-0182>

ABSTRACT

The partisan approach is a method of contemporary politics. This approach was born from the electoral democracy system practised in most countries worldwide. The need to establish political parties in a democratic system becomes a priority when the system considers the number of majorities as a determinant of policy approval. In this regard, Malaysia is among the vast majority of Islamic countries that practice a parliamentary democracy system as an official political system. This reality has caused polemics and confusion regarding the necessity of practising partisan politics to often occur among Muslims, even to the point of causing criticism of Muslims involved in it. Among the main confusions is the claim that partisan politics is not a method of politics practised by the Prophet Muhammad SAW, without denying that he was a politician. Therefore, this study addresses this confusion based on the perspective of the Quran and Sunnah. For this purpose, this study analyses the words Hizbiyyah and Jama'ah using the descriptive content analysis method. This qualitative study will also analyse the arguments to highlight the relationship between partisan politics and Islamic law. The study results found that the practice of partisan politics is part of the Islamic approach and carries the same maqasid as those practised by the Prophet Muhammad SAW. The conclusion is that Muslims need to get involved with political parties that conform to the concepts of Hizbiyyah Islamiyyah and Jamaah to ensure the sovereignty of Islam throughout the world.

Keywords: Confusion; Political; Party; System; Islam

ABSTRAK

Pendekatan kepartian adalah satu kaedah berpolitik masa kini. Pendekatan ini lahir daripada sistem demokrasi pilihan raya yang diamalkan di kebanyakan negara di seluruh dunia. Keperluan untuk menubuhkan parti politik dalam medan demokrasi menjadi keutamaan apabila sistem tersebut mengambil kira bilangan majoriti sebagai penentu kelulusan sesebuah dasar. Sehubungan itu, Malaysia merupakan di antara majoriti besar negara-negara Islam yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sebagai sistem politik rasmi. Realiti berkenaan menyebabkan polemik kekeliruan berkaitan keharusan amalan politik kepartian sering terjadi dalam kalangan umat Islam, bahkan sehingga menimbulkan kritikan ke atas umat Islam yang terlibat di dalamnya. Antara kekeliruan utama adalah dakwaan bahawa politik kepartian bukanlah kaedah berpolitik yang diamalkan oleh Rasulullah SAW, tanpa menafikan Baginda SAW sendiri berpolitik. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi menangani kekeliruan berkenaan berdasarkan perspektif al-Quran dan Sunnah. Bagi tujuan tersebut, kajian ini menampilkan analisis terhadap perkataan *Hizbiyyah* dan *Jama'ah* berasaskan metode analisis kandungan secara deskriptif. Kajian kualitatif ini juga akan menganalisis hujah-hujah bagi mengetengahkan relasi antara politik kepartian dengan syariat Islam. Hasil kajian mendapati amalan politik kepartian termasuk dalam pendekatan yang Islamik serta membawa *maqasid* yang sama dengan apa yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW. Kesimpulannya umat Islam perlu melibatkan diri dengan parti politik yang menepati konsep *Hizbiyyah Islamiyyah* dan *Jamaah* bagi memastikan kedaulatan Islam di seluruh dunia.

Kata Kunci: Kekeliruan; Politik; Parti; Sistem; Islam

How to Cite:

Received: 7-3-2025

Revised: 5-5-2025

Accepted: 18-5-2025

Published: 20-5-2025

Fadzil, M. M.& Zaman, R. K. (2025). Mendepani Kekeliruan Terhadap Sistem Politik Kepartian Dalam Islam. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 39-59.

1. Pendahuluan

Pada asasnya, sistem politik kepartian lahir daripada sistem demokrasi. Melalui sistem ini, rakyat diberikan ruang menyertai dan bersuara dalam menentukan hala tuju dan dasar negara. Bagi tujuan tersebut, suara rakyat akan diwakili parti-parti politik yang perlu bertanding dalam proses demokrasi pilihan raya. Dalam proses tersebut, parti atau pakatan beberapa parti yang mendapat sokongan majoriti akan membentuk kerajaan memerintah. Selari dengan perkembangan sistem berkenaan, majoriti negara Islam masa kini telah menerima sistem demokrasi pilihanraya sebagai wasilah pembentukan

kerajaan. Sehubungan itu juga, isu penerimaan tersebut sering menjadi perbahasan dalam kalangan umat Islam.

Berdasarkan prinsip Islam, penerimaan negara-negara Islam terhadap sistem demokrasi pilihan raya adalah didasari beberapa manfaat dan elemen demokrasi didapati menyamai prinsip Islam. Antara elemen berkenaan seperti konsep *shūrā* (perbincangan), *ijma'* (konsensus), *mas'ūliyyah* (kebertanggungjawaban), amanah, *al-'adālah* (keadilan) dan *hurriyyah* (kebebasan). Selain itu, sistem demokrasi juga didapati berfungsi menolak amalan despotisme yang merupakan kezaliman dalam Islam (Khodaverdian, 2022; Esposito, 2018; Rangkuti, 2018).

Dalam konteks lebih khusus, terminologi parti di dalam Islam diistilahkan dengan perkataan الحزب. Perkataan ini diulang berulang kali di dalam al-Quran, sama ada secara tunggal atau plural, dan membawa pengertian yang berbeza-beza. Antaranya ayat al-Quran yang mengandungi lafaz tersebut seperti; al-Tawbah: 56, Hud: 17, al-Ra'du: 36, Maryam: 37, al-Mu'minun: 53, al-Azhab: 20 dan 22, Sad: 11, al-Rum: 31 dan 32, al-Mujadalah: 19, Fatir: 6 dan banyak lagi. Dalam senarai tersebut, terdapat satu surah yang diberi nama Surah al-Ahzab yang bermaksud pakatan-pakatan. Secara umumnya, perkataan Hizb di dalam al-Quran bermaksud *jama'ah*, *ta'ifah*, *firqah* dan aliran. Atau dengan kata lain bermaksud kelompok atau pakatan.

Namun begitu, di negara-negara umat Islam dan khususnya di Malaysia masih terdapat kekeliruan yang dilontarkan berhubung penglibatan umat Islam dalam politik kepartian dan sistem demokrasi. Antara lontaran kekeliruan tersebut adalah seperti Nabi SAW tidak terlibat mahupun menubuhkan parti politik di zamannya. Antara hujah-hujah yang digunakan untuk menghukumkan penglibatan dalam politik kepartian bukan cara Nabi Muhammad SAW ialah sistem demokrasi adalah sistem politik ciptaan Barat, yang membuka laluan kepada penguasaan *taghut* (golongan yang melampaui batas). Ada juga yang berhujah bahawa Nabi SAW walaupun berpolitik, tetapi bukanlah politik kepartian. Malah, ada yang berhujah politik itu kotor, dan tidak wajar melibatkan diri dengannya. Tidak kurang juga ada yang berhujah Islam hanya sekadar amalan peribadi, manakala politik bukan sebahagian daripada Islam. Jusreru, adalah tidak menghairankan kelompok ini turut mengkritik usaha menegakkan Khilafah Islamiah (Samah et al., 2023; Sulaiman et al., 2019).

Dalam konteks berbeza, ada golongan yang menerima penglibatan dalam parti politik, namun menghukumnya sebagai bukan perkara bersifat sunnah, sebaliknya hanyalah sekadar sentimen semata-mata. Atas dasar berkenaan, ada yang mendakwa umat Islam berhak dan bebas memilih untuk melibatkan diri dengan mana-mana parti politik sekalipun parti tersebut banyak merugikan Islam. Mereka beralaskan perkara tersebut termasuk dalam kategori ijtihad pada perkara cabang. Kesan dakwaan ini telah

menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat Islam dalam perkara *khilaf mulghoh* (perselisihan yang tidak boleh diambil kira) (Samah et al., 2023; Khodaverdian, 2022; Sulaiman et al., 2019).

Berdasarkan fenomena kekeliruan yang disenaraikan, kajian ini dilaksanakan bagi membicarakan tentang terminologi *Hizbiyyah* (kepartian) di dalam al Quran, dan konsep politik kepartian yang membawa maksud *Jamaah* sebagaimana dijelaskan dalam hadis-hadis Nabi SAW. Tuntasnya, kajian ini cuba mengetengahkan hujah bahawa penglibatan dalam politik kepartian yang bermatlamatkan untuk menegakkan sistem Islam, merupakan sebahagian daripada saranan syariat Islam. Melaluinya, kajian ini cuba menjernihkan kekeliruan-kekeliruan tentang isu politik kepartian dalam kalangan umat Islam, agar dapat melahirkan kesepakatan umat Islam untuk memperjuangkan Islam secara lebih realistik pada masa kini.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk membincangkan pendekatan politik kepartian yang menepati maksud *Hizbiyyah* yang betul, dan berperanan sebagai *al-Jamaah* yang meneruskan agenda perjuangan Rasulullah SAW. Sehubungan itu, kajian ini mengetengahkan hujah daripada nas al-Quran dan hadis bahawa penglibatan dalam politik kepartian bagi tujuan menegakkan undang-undang Islam, termasuk dalam saranan syariat Islam itu sendiri. Selain itu, kajian ini turut menyentuh secara khusus realiti sistem politik kepartian di Malaysia sebagai contoh situasi. Melalui tujuan-tujuan di atas, kajian ini cuba menjernihkan kekeliruan umat Islam berhubung keharusan melibatkan diri dalam politik kepartian dan sistem demokrasi pilihanraya.

Bagi tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi metode analisis kandungan secara tematik. Data-data utama kajian dikumpulkan daripada dalil-dalil al-Quran dan hadis-hadis yang sahih, termasuk sumber-sumber ilmiah seperti tesis, artikel jurnal, buku-buku dan seumpamanya. Bagi menganalisis nas-nas terkumpul daripada al-Quran dan hadis, kajian ini telah merujuk tafsiran para *mufasssirīn* dan *muhaddithīn* yang muktabar. Pada akhirnya, himpunan kefahaman yang telah diperolehi dirumus membentuk jawapan terhadap variasi kekeliruan berhubung politik kepartian sebagaimana yang telah disenaraikan.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap isu keharusan dan penerimaan penglibatan umat Islam dalam politik kepartian dan sistem demokrasi pilihan raya, kajian

ini telah mengenal pasti beberapa kekeliruan utama umat Islam yang perlu ditangani secara holistik. Dalam konteks ini, inisiatif mendepani kekeliruan yang timbul dengan berpandukan al-Quran dan hadis merupakan kewajipan masa kini bagi memastikan kedaulatan Islam dapat dimartabatkan di seluruh dunia. Kompilasi jenis kekeliruan dan jawapannya dapat difahami dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kompilasi jenis kekeliruan berkaitan politik kepartian dan jawapannya.

Bil	Jenis Kekeliruan	Jawapan	
		Indeks Nas (al-Quran / Hadis)	Fokus Nas
1	Nabi SAW berpolitik, tetapi bukan politik kepartian. / politik kepartian bukan sunnah Nabi SAW	Al-Ma'idah: 56 HR al-Bukhari, no. Hadis: 6673 HR Muslim, no. Hadis: 1847	Islam menuntut umat Islam taat setia bersama kumpulan yang berpegang kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.
2	Sistem demokrasi bercanggah dengan Islam, dan haram melibatkan diri dengannya. / Politik itu kotor, melibatkan diri dengannya di atas nama Islam akan mencemarkan kesucian Islam.	Al-Nisa': 58; Al-Ma'idah: 44, 45, 47, 49 & 50 HR al-Bukhari, no. Hadis: 3455 HR Muslim, no. Hadis: 1842 & 1847	Islam mewajibkan umat Islam memilih dan memberikan hak kepimpinan diberikan kepada Mukmin yang adil. Demokrasi pilihan raya hanyalah merupakan wasilah bagi memenuhi kewajipan tersebut.
3	Boleh memilih melibatkan diri dengan mana-mana parti sekalipun merugikan Islam.	Al-Nisa': 59; Al-Ma'idah: 44, 45, 47, 49 & 50; Al-'Arāf: 74 & 129; Yunus: 73; Al-Nur: 55; Fatir: 39; Al-Mujadilah: 19	Islam menuntut umat Islam berhukum dengan Al-Quran dan Sunnah, dan melarangberhukum kepada selainnya. Penglibatan dalam demokrasi pilihan raya bertujuan memartabatkan Al-Quran dan Sunnah sebagai dasar dan sumber hukum.
4	Islam adalah agama kerohanian semata-mata, tiada kaitan dengan politik	Al-Baqarah: 30; Al-'Arāf: 69 & 74; Al-Nur: 55	Allah SWT menjadikan tugas khalifah sebagai tanggungjawab umat manusia dan sebagai bentuk mengingati Allah yang membimbing manusia kepada kejayaan.

5	Sistem Khilafah bukan ajaran Islam	Al-Baqarah: 30; Al-An'am: 165; Al-'Arāf: 69 & 74; Al-Nur: 55; Sad: 26;	Allah SWT memerintahkan supaya Mukmin menjadi khalifah yang mentadbir dunia dengan penuh keadilan berpandukan al-Quran dan Sunnah
---	------------------------------------	--	---

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual di atas menerangkan beberapa kekeliruan yang ditimbulkan oleh beberapa pihak terhadap politik dalam Islam, khususnya politik kepartian. Kekeliruan pertama tidak menafikan penglibatan Nabi SAW dalam politik, namun mereka menolak pengalaman politik kepartian yang wujud pada hari ini. Kekeliruan yang kedua pula menolak keharusan melibatkan diri dengan demokrasi dan menyatakan pengharamannya. Selain itu, sistem berkenaan turut disifatkan sebagai kotor dan boleh mencemarkan kesucian Islam sekiranya penglibatan di dalamnya di atas nama Islam.

Sementara itu, kekeliruan ketiga mengambil ringan terhadap perbincangan politik sehingga menganggap kesemuanya bersifat cabang. Menurut mereka tiada masalah menyertai parti yang berlawanan dengan prinsip Islam sekalipun, kerana ia dianggap *ijtihad*. Kekeliruan keempat menganggap bahawa Islam itu sekadar agama kerohanian semata-mata, dan langsung tiada kaitan dengan politik. Manakala kekeliruan kelima mendakwa bahawa sistem politik Islam (*siyāsah al-shar'īyyah*) yang bermatlamat meneruskan legasi khilafah Islamiah, bukanlah daripada ajaran Islam.

Namun, berdasarkan penelitian terhadap nas-nas al-Quran dan Hadis, serta tafsiran para ulamak, kajian ini mendapati konsep politik kepartian yang wujud pada hari ini signifikan dengan pendekatan politik yang diamalkan oleh Nabi SAW, dan sepertimana yang termaktub dalam syariat Islam. Sehubungan itu, takrifan al-Quran telah mengkategorikan maksud parti kepada dua jenis; sama ada ia menjadi platform pengukuhan kuasa Islam, atau bersifat menentang Islam.

Sehubungan itu, kajian ini mendapati penglibatan dalam politik kepartian masa kini selari dengan wacana berkaitan sistem khilafah yang disebutkan di dalam beberapa ayat al-Quran dan Hadis. Dari sudut bahasa, Khalifah berasal dari kata *khalafa* yang bermaksud pengganti atau wakil. Manakala dalam sebutan biasa yang diamalkan, khalifah difahami sebagai pemimpin politik atau ketua (imam). Dari sudut pengistilahan syarak, khalifah bermaksud pengganti Nabi SAW. Menurut al-Mawardi, khalifah bermaksud *niyabah* iaitu pengganti kepada penguatkuasa hukum syarak, iaitu Nabi SAW. Tujuan penguatkuasa ini adalah bagi memelihara agama dan mentadbir urusan dunia.

Kesimpulannya, pasca kejatuhan *khilafah* Uthmaniyyah pada 1924 dan kemudiannya digantikan dengan sistem demokrasi pilihan raya hampir di

seluruh dunia menyebabkan para ulama berijtihad supaya umat Islam menguasai sistem berkenaan sebagai wasilah meneruskan aspirasi *khilafah Islamiyyah*. Antara kaedah yang digunakan ialah ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب yang bermaksud “Apa yang tidak sempurna sesuatu kewajipan itu melainkan dengan ia, maka ia dikira wajib”. Untuk mengembalikan kuasa politik Islam yang menjadi *maqasid* politik Rasulullah SAW adalah dengan tidak dapat tidak melibatkan diri dengan demokrasi.

4. Perbincangan

Pada bahagian ini, kajian ini akan memfokuskan wacana berkaitan istilah *Hizbiyyah* (kepartian) yang selari dengan usaha umat masa kini dengan menubuhkan sebuah parti politik yang sah, bertanding dalam sistem demokrasi pilihan raya, dan berusaha mengetengahkan undang-undang Islam di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri agar Islam itu terlaksana sebagai sebuah dasar dan sistem rasmi negara. Selain itu, kajian ini akan memperincikan maksud *Jamaah* yang boleh dicapai dengan kewujudan dan penglibatan dalam parti politik.

4.1 Wacana Istilah *Hizbiyyah* Dalam al-Quran dan Hadis

Dalam menafsirkan ayat 56 Surah al-Maidah Imam al-Ṭabari menyatakan *Hizb* (parti) sebagai أنصار الله atau الانصار yang bermaksud kumpulan penolong agama Allah (al-Ṭabari t.th, 10: 427). Manakala dalam ayat 32 Surah al-Rum, Imam al-Ṭabari menyatakan maksud *Hizb* sebagai طائفة dan فرقة yang bermaksud kelompok (al-Ṭabari t.th, 20: 101). Menurut al-Qurṭubi, sekiranya kalimah *hizb* tampil dalam bentuk plural *aḥزاب* (parti-parti), mafhumnya boleh membawa maksud جند tentera sebagaimana dinyatakan dalam Surah Sad, ayat 11 (al-Qurṭubi 1964, 15: 153).

Dalam konteks berbeza, Imam al-Ṭabari menafsirkan istilah حزب الشيطان (parti syaitan) yang terkandung dalam ayat 19 Surah al-Mujadalah dengan maksud tentera syaitan dan para pengikutnya dalam kalangan manusia yang rosak atau golongan yang sesat (al-Ṭabari t.th, 23: 255). Sehubungan itu, dalam menafsirkan ayat 6 Surah Fatir, Imam al-Ṭabari telah menukikan tafsiran al-Qatadah tentang حزب الشيطان sebagai pembantu atau penjaga (أولياء).

Berdasarkan variasi makna istilah *Hizb* yang telah dijelaskan, al-Ṭabari merumuskan maksudnya berdasarkan kata Ibn Zaid:

والحزب: ولاته الذين يتولاهم ويتولونه وقرأ إِنَّ وَلِيِّيَ اللَّهُ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ

Terjemahan: Dan Hizb (parti) itu bermaksud pembantunya yang saling bantu membantu, lalu beliau membacakan ayat al Quran “Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab (Al-Quran), dan Dia lah jua yang menolong dan memelihara orang-orang yang berbuat kebaikan” (al-Ṭabari t.th, 20: 440).

Sehubungan itu, Imam Qurtubi RA juga telah mentakrifkan maksud *Hizb* dalam tafsiran ayat 56 Surah al-Maidah;

والحزب الصنف من الناس ، وأصله من النائبة من قولهم : حزبه كذا أي : نابه ؛ فكأن المحتزين مجتمعون كاجتماع أهل النائبة عليها... والحزب الطائفة ، وتحزبوا اجتمعوا ، والأحزاب : الطوائف التي تجتمع على محاربة الأنبياء ، وحزبه أمر أي : أصابه.

Terjemahan: “(Istilah) Parti adalah satu kelas manusia, dan asalnya daripada (kalimah) wakil, daripada kata mereka: Partinya begini dan begini, maksudnya: wakilnya; Seolah-olah ahli parti berkumpul seperti orang yang mewakilinya... dan parti itu adalah sebuah kumpulan, dan mereka bergabung, berkumpul, dan *al-ahzāb* adalah golongan yang berkumpul (pakatan) untuk memerangi para nabi...” (al-Qurtubi 1964, 6:223).

Apa yang boleh difahami daripada tafsiran Imam Qurtubi ini ialah *hizb* (parti) bermaksud sekumpulan manusia yang bergabung atau berkumpul untuk sesuatu tujuan. Dalam erti kata lain kewujudan parti bertujuan mewakili suara masyarakat. Sebagai tambahan, kefahaman tentang perkumpulan manusia di atas tujuan tertentu sehingga membentuk parti juga boleh difahami sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Mu'minin ayat 53;

فَتَقَطَّعُوا أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ زُبُرًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

Ketika menghuraikan ayat ini Imam Qurtubi RA (al-Qurtubi 1964, 12: 129) telah mengaitkan mafhum perkataan *Hizb* (parti) dengan hadis *al-Jamaah* yang diriwayatkan daripada Abū Dāwud. Sabda Rasulullah SAW;

أَلَا إِنَّ مِنْ كَانَ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى ثَنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ مَلَّةً، وَإِنْ هَذِهِ الْأُمَّةُ سَتَفْتَرِقَ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِي، ثَنَتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa golongan sebelum kamu dari kalangan ahli kitab telah berpecah kepada 72 puak. Manakala umat ini akan berpecah kepada 73 puak. 72 daripadanya (akan dimasukkan) di dalam neraka, manakala satu sahaja di syurga, iaitu “*al-Jamaah*”.

Sehubungan itu, Imam al-Qurtubi juga telah menukilkan sambungan hadis yang diriwayatkan al-Tirmizi daripada Abdullah bin Amru RA:

قَالُوا وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Terjemahan: Para sahabat RA bertanya siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Nabi SAW bersabda: Jalanku dan para sahabatku (al-Qurtubi 1964, 12: 129).

Selain wacana tentang terminologi asas istilah *hizb* dalam al-Quran, al-Qurtubi juga telah menafsirkan ayat 37 Surah Maryam dengan menukilkan tafsiran Ibnu Abbas RA. Ayat berkenaan menyentuh isu perselisihan parti yang pernah berlaku dalam kalangan Bani Israel. Firman Allah SWT;

فَاخْتَلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ

Terjemahan: “Kemudian, golongan-golongan (dari kaumnya) itu berselisihan sesama sendiri...”

Dalam menafsirkan ayat di atas, al-Qurtubi menyatakan bahawa Ibnu Abbas RA berkata;

المراد من الأحزاب الذين تحزبوا على النبي - صلى الله عليه وسلم - وكذبوه من المشركين.

Terjemahan: Yang dimaksudkan dengan *al-Ahzab* (parti-parti) iaitu golongan musyrikin yang berpakat memerangi dan mendustai Nabi SAW (al-Qurtubi 1964, 11: 108).

Justeru, ayat di atas menjelaskan bahawa istilah *al-ahzab* bermaksud sesuatu perpecahan yang menyebabkan terbentuknya puak-puak tertentu. Kewujudan pecahan puak dalam kalangan Bani Israel secara etimologi bermaksud parti. Tafsiran al-Qurtubi ini kemudiannya telah disokong oleh Imam Ibn Kathir yang menyatakan bahawa Bani Israel telah berselisih pendapat dalam isu-isu berkaitan kelahiran Nabi Isa AS, sehingga menyebabkan mereka berpecah kepada beberapa puak (parti) (Ibn Kathir

1999, 5:231). Dalam isu ini, Imam Ibn Kathir menukikkan pendapat al-Qatadah di dalam tafsiran ayat ini;

اختلفوا فيه فصاروا أحزابا

Terjemahan: Mereka (Bani Israel) telah berselisih pendapat, maka jadilah mereka itu beberapa parti (Ibn Kathir 1999, 5: 231).

Sehubungan itu, Imam Ibn Kathir juga telah menafsirkan ayat 32 Surah al-Rum dengan menghuraikan istilah *hizb* dengan mafhum *firqah* (فرقة) yang bermaksud kelompok (Ibn Kathir 1999, 6: 316);

فأهل الأديان قبلنا اختلفوا فيما بينهم على آراء وممل باطلة ، وكل فرقة منهم تزعم أنهم على شيء ، وهذه الأمة أيضا اختلفوا فيما بينهم على نحل كلها ضلالة إلا واحدة ، وهم أهل السنة والجماعة ، المتمسكون بكتاب الله وسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم ، وبما كان عليه الصدر الأول من الصحابة والتابعين ، وأئمة المسلمين في قديم الدهر وحديثه ، كما رواه الحاكم في مستدركه أنه سئل ، عليه السلام عن الفرقة الناجية منهم ، فقال : " ما أنا عليه [اليوم] وأصحابي "

Terjemahan: Maka penganut-penganut agama sebelum ini, berselisih sesama mereka dengan pandangan dan aliran yang tak betul. Setiap kelompok dari kalangan mereka menyangka bahawa mereka ada sandaran. Ummah ini juga berselisih sesama sendiri di atas aliran yang pelbagai. Semuanya sesat melainkan satu sahaja, iaitu Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Iaitu mereka yang berpegang dengan al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, serta berpegang dengan generasi pertama dari kalangan Sahabat RA dan Tabi'in, serta kepimpinan Islam zaman dahulu dan hari ini sepertimana Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al Hakim di dalam Kitab Mustadrak, Baginda SAW di tanya tentang kelompok yang terselamat, Baginda bersabda : Jalanku dan para sahabatku.

Berdasarkan kefahaman di atas, kecenderungan membentuk kumpulan, menubuhkan parti, atau persepakatan melibatkan diri dalam parti-parti dengan tujuan tertentu adalah suatu fitrah dan kelaziman dalam kehidupan manusia. Namun, Islam mengajarkan konsep kesatuan dan persepakatan atas dasar kebenaran, sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Kathir ketika menghuraikan mafhum ayat 51, Surah Yusuf;

والحق أحق أن يتبع

Terjemahan: Dan kebenaran itu lebih berhak untuk diikuti (Ibn Kathir 1999, 1: 482).

Kesimpulannya, istilah *Hizb* (parti) boleh difahami sebagai *Jamaah*, *Firqah* dan *Tā'ifah* yang membawa maksud kumpulan, aliran dan kelompok. Ia terbahagi kepada dua jenis, iaitu parti yang berpegang dengan al Quran dan Sunnah, serta melaksanakan tuntutan agama, bahkan bertindak menyatukan ummat Islam. Jenis yang kedua ialah parti atau pakatan beberapa parti yang bertujuan memerangi Islam, dan bertindak memecah-belahkan umat manusia.

4.2 Wacana Istilah al-Jamaah Dalam al-Quran dan Hadis

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam wacana istilah *hizbiyyah*, kewujudan sesebuah parti dalam perspektif Islam amat berkait dengan hadis-hadis yang membicarakan aspek *al-Jama'ah*. Justeru, wacana bahagian ini akan memperincikan mafhum *al-Jama'ah* menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Huzaifah al-Yamani RA;

كان الناس يسألون رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الخير وكنت أسأله عن الشر مخافة أن يدركني فقلت يا رسول الله إنا كنا في جاهلية وشر فجاءنا الله بهذا الخير فهل بعد هذا الخير من شر؟ قال : نعم، فقلت هل بعد ذلك الشر من خير قال نعم وفيه دخن، قلت : وما دخنه؟ قال : قوم يستنون بغير سنتي ويهتدون بغير هديي تعرف منهم وتنكر، فقلت : هل بعد ذلك الخير من شر؟ قال : نعم دعاة على أبواب جهنم من أجابهم إليها قذفوه فيها، فقلت: يا رسول الله صفهم لنا، قال : نعم قوم من جلدتنا ويتكلمون بألسنتنا، قلت : يا رسول الله فما ترى إن أدركني ذلك؟ قال : تلزم جماعة المسلمين وإمامهم، فقلت : فإن لم تكن لهم جماعة ولا إمام؟ قال : فاعتزل تلك الفرق كلها ولو أن تعض على أصل شجرة حتى يدركك الموت وأنت على ذلك

Terjemahan: Orang-orang bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kebaikan (Islam) sedangkan aku bertanya tentang keburukan kerana aku bimbang keburukan itu menimpa diriku. Aku bertanya : "Wahai Rasulullah SAW, sebelum ini kita hidup di zaman jahiliyah yang penuh keburukan, kemudian

Allah SWT menggantikannya dengan kebaikan (Islam) ini, Adakah setelah kebaikan (Islam) ini akan muncul suatu keburukan kembali? Kemudian Rasulullah SAW menjawab : Ya, ada. Kemudian aku bertanya lagi: Adakah setelah keburukan yang terjadi itu akan muncul lagi kebaikan (Islam)? Rasulullah SAW menjawab: Ya, masih ada, tetapi kebaikan itu ada kekaburan padanya. Kemudian aku bertanya lagi: Apa kekaburannya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: iaitu kelompok (kaum) yang mengaku muslim tetapi perbuatannya tidak menurut sunnahku, dan mereka memberi petunjuk tidak menurut petunjukku. Sebahagian perbuatan mereka ada yang kamu anggap baik dan sebahagiannya yang lain ada yang kamu ingkari. Kemudian aku bertanya lagi: Adakah setelah kebaikan itu masih timbul keburukan lagi, wahai Rasulullah? Jawabannya; Ya, ada. Iaitu kemunculan penyeru-penyeru kepada pintu-pintu neraka, sesiapa yang menerima seruan tersebut, mereka akan dilempar ke dalam neraka. Kemudian aku bertanya lagi: Tolong jelaskan kepada kami (wahai Rasulullah) sifat mereka itu. Rasulullah SAW menjawab: Mereka itulah orang yang kulitnya sama dengan kulit kita dan bertutur dengan bahasa kita. Kemudian aku bertanya lagi: Apa yang kamu perintahkan kepada kami jika keadaan seperti itu berlaku pada kami? Jawab Rasulullah SAW: Kamu mesti bergantung dengan jemaah orang-orang Islam dan kepimpinannya. Kemudian aku bertanya lagi: Kalau sudah tidak ada jemaah orang-orang Islam dan kepimpinannya, bagaimana pula wahai Rasulullah? Rasulullah SAW menjawab: Tinggalkan semua kelompok-kelompok kesemuanya, dan gigitlah tunjang utama pokok sehingga kamu mati dalam keadaan itu.

[al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Fitan, Bāb Kayfa al-Amr Idhā Lam Takun Jamā'ah*, no. hadis: 6673]

Berdasarkan hadis ini, Nabi SAW berpesan bahawa kebenaran itu pada *al-Jama'ah*, iaitu kumpulan yang kekal berada di atas prinsip Islam. Sehubungan itu, umat Islam dituntut mentaati pemimpin yang adil dan meninggalkan para pemimpin yang zalim (Ibn Baṭṭāl 2003, 10: 33; al-'Asqalānī 1970, 13: 37). Selain hadis ini, terdapat banyak lagi hadis-hadis Nabi SAW yang menggesa supaya umat Islam mengikat diri mereka dengan *Jama'ah* seperti hadis riwayat al-Bukhari, no. Hadis: 3411 dan riwayat Muslim, no. Hadis: 1847.

Namun begitu, di sana wujudnya perbezaan pandangan dalam menghuraikan mafhum istilah *al-Jama'ah*. Dalam konteks ini, Imam al-Shātibī dalam kitabnya *al-Itiṣām* telah menyenaraikan lima tafsiran ulama muktabar terhadap istilah *al-Jama'ah* di dalam hadis di atas;

Jadual 2. Lima Tafsiran Utama Istilah *al-Jama'ah* dalam Kitab *al-Itiṣām*

Tafsiran Utama Istilah <i>al-Jama'ah</i>	Pandangan Ulama
السَّوَادُ الْأَعْظَمُ مِنْ أَهْلِ الْإِسْلَامِ [Pertama] Terjemahan: Majoriti Besar daripada umat Islam (al-Shāṭibī 2008: 209)	1. Abī Ghālīb 2. Abū Mas'ūd al-Anṣārī 3. Abdullah bin Mas'ud
أَهْلُهَا جَمَاعَةٌ أَئِمَّةُ الْعُلَمَاءِ الْمُجْتَهِدِينَ [Kedua] Terjemahan: Kumpulan ulama <i>Mujtahid</i> (al-Shāṭibī 2008: 210)	1. Abdullah bin al-Mubārak 2. Ishāq bin Rahawayh
إِنَّ الْجَمَاعَةَ هِيَ (جَمَاعَةُ) الصَّحَابَةُ عَلَى الْخُصُوصِ [Ketiga] Terjemahan: Para Sahabat RA secara khusus (al-Shāṭibī 2008: 212)	1. Umar bin Abd al-Azīz
أَنَّ الْجَمَاعَةَ هِيَ جَمَاعَةُ أَهْلِ الْإِسْلَامِ [Keempat] Terjemahan: Jemaah umat Islam (al-Shāṭibī 2008: 214).	1. Abdullah bin al-Mubārak 2. Ishāq bin Rahawayh
أَنَّ الْجَمَاعَةَ جَمَاعَةُ الْمُسْلِمِينَ، إِذَا اجْتَمَعُوا عَلَى (أَمِير)	1. Ibn Jarīr al-Ṭabarī
Terjemahan: Kumpulan umat Islam yang berhimpun di bawah seorang pemimpin (al-Shāṭibī 2008: 214).	
Sumber: (al-Shāṭibī 2008: 209-214)	

Imam al-Ṭabarī sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī dalam kitab *Fath al-Bārī* bahawa beliau memilih pandangan yang menafsirkan *al-Jama'ah* sebagai sekumpulan muslimin di bawah seorang pemimpin dalam masa yang sama, beliau tidak menolak penafsiran-penafsiran lain (Al-‘Asqalānī 1970, 13: 37). Perkara ini juga disimpulkan oleh Imam al-Shāṭibī di dalam *al-‘Itisām* bahawa kelima-lima pandangan ini adalah benar berdasarkan pegangan *Ahlu Sunnah* (al-Ṭabarī 2008, 3: 216).

Kesimpulannya, mafhum *al-Jama'ah* ini boleh diselaraskan dengan realiti politik kepartian pada masa kini. Secara khusus parti politik yang menepati mafhum *al-Jama'ah* adalah parti yang merealisasikan kesemua tafsiran *al-Jama'ah* dengan menghimpunkan majoriti umat Islam, menghimpun mengikut panduan para ulama dan berusaha sedaya upaya meneruskan dan mengekalkan dasar-dasar Rasulullah SAW dan para Sahabat RA.

4.5 Perselisihan dan Tarjih

Pada 26 Januari 2018, Dar al-Iftā' al-Misriyyah telah menerbitkan kenyataan Mufti Mesir yang mengharuskan *hizbiyyah* selagi mana tidak bercanggah dengan nas syara' apatah lagi pelampau (Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, 2018). Manakala beberapa tokoh ulama Arab Saudi seperti Shaykh Abdul Aziz bin Baz dalam *Majmu' Fatāwā*, tidak mengharuskan keterlibatan dalam parti politik kerana kewajipan sebenar adalah dakwah kepada Allah SWT dan Rasul SAW dengan mengikuti al-Quran dan Sunnah, bukannya seruan kepada parti politik. Menurut beliau, kewujudan parti politik merupakan sebahagian daripada bentuk perpecahan dan perselisihan yang dilarang syariat Islam (Bin Bāz 2010, 2: 310)

Namun begitu, dengan berdasarkan kepada wacana *hizbiyyah* dan *jama'ah* yang telah dibicarakan, kajian ini dapat merumuskan bahawa konsep parti terbahagi kepada dua jenis; Pertama, parti yang benar iaitu parti yang berpegang kepada al-Quran dan Hadis sebagaimana mafhum *al-Jamā'ah*. Yang kedua adalah parti yang batil, iaitu parti yang menyalahi al-Quran, hadis serta prinsip dan dasar Islam atau parti yang ditubuhkan dengan tujuan memerangi Islam.

Sehubungan itu, kajian ini dapat merumuskan antara ciri-ciri kepartian (*al-hizbiyyah*) yang dianjurkan oleh Islam dan bertepatan dengan maksud *al-Jama'ah* adalah sebagaimana berikut;

- a) Kesungguhan dalam berjemaah selaras dengan ayat-ayat tuntutan berjihad di dalam al-Quran seperti nas al-Tawbah, ayat 20;

وجاهدوا في سبيل الله

Terjemahan: "...serta berjihad pada jalan Allah..."

- b) Teguh pendirian terhadap prinsip Islam berdasarkan ayat 103 Surah Ali-Imran;

واعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا

Terjemahan: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai..."

- c) Selari dengan kebenaran, Abdullah Ibn Mas'ud menyatakan;

الجماعة ما وافق الحق وإن كنت وحدك

Terjemahan: Jamaah itu apa yang selari dengan kebenaran sekalipun kamu keseorangan (al-Qaḥṭānī 2011, 2: 692).

- d) Jemaah yang berperanan amar makruf dan nahi munkar berdasarkan ayat 104, Surah Ali-Imran;

ولتكن منكم أمة يدعون إلى الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر

Terjemahan: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji)...”

Dalam kaedah fikah ada menyebut;

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

Terjemahan: Apa yang tidak sempurna sesuatu kewajipan melainkan dengannya, maka ia dikira wajib (Ibn al-‘Arabī 2003, 2: 54).

Berdasarkan ciri-ciri *hizbiyyah* yang telah disenaraikan, perlu difahami bahawa usaha menubuhkan, menyertai atau menyokong parti yang memperjuangkan Islam adalah satu-satunya cara untuk menegakkan undang-undang Islam dalam amalan sistem demokrasi pilihan raya pada hari ini. Justeru, tindakan mendokong atau menyokong usaha berkenaan merupakan satu kewajipan ke atas seluruh umat Islam. Komitmen berkenaan juga bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Terjemahan: “Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu kejahatan, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan lisannya, dan sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan hatinya yang demikian itu (mengingkarkan dengan hati) adalah selemah-lemah iman.”

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Kawn al-Nahy An al-Munkar min al-Īmān. Wa anna al-Īmān yazīd wa yanquṣ. Wa anna al-Amr bi al-Ma'rūf, wa al-Nahy An al-Munkar wajibān*, no. hadis: 78]

Justeru, realiti sistem politik demokrasi masa kini memaparkan keperluan yang sangat jelas kepada kewujudan parti politik yang memperjuangkan Islam. Kepentingan kewujudan dan sokongan kepada parti politik berkenaan juga selaras dengan mafhum wacana istilah *al-Jamā'ah* dan *Hizbiyyah* yang telah digariskan syarak. Apatah lagi kewujudan parti-parti politik Islam di seluruh dunia bermatlamatkan mengembalikan kuasa politik Islam yang terbubar sejak 1924. Sehubungan itu, pengabaian terhadap keperluan penglibatan dalam parti politik Islam pada masa kini juga akan mendatangkan kesukaran terhadap usaha memartabatkan kedaulatan Islam di seluruh dunia.

5. Politik Kepartian Sebagai Penerus Sistem Khilafah Islamiah

Sistem Khilafah Islamiah secara rasminya telah diisytihar terbubar pada 3 Mac 1924 oleh Mustafa Kamal Atatürk kesan daripada proses pembaratan di Turki yang disulami dengan sekularisme dan modernisme. Pemikiran ini menjadi serius di sana setelah penggulingan Sultan Abdul Hamid II (1876-1909M) pada 27 April 1909M. Ketika itu, Shaykhul Islam bagi kerajaan Uthmaniyah, Shaykh Mustafa Sabri Effendi (1869-1954M) memberi amaran tentang bahayanya pemisahan politik daripada agama, dan ia boleh memberi kesan ke atas kemurtadan umat Islam (Awang, 2024; Haris & Othman, 2011).

Reaksi umat Islam seluruh dunia terhadap pengisytiharan pembubaran Sistem Khilafah tersebut, telah mencetuskan penentangan terhadap fahaman sekularisme. Antara yang terawal ialah para ulamak Universiti al-Azhar, mengisytiharkan pembubaran oleh Mustafa Kamal Atatürk itu sebagai tidak sah (Yunus, 2021). Shaykh Rashid Ridha (1865-1935M) ketika itu mencadangkan Persidangan Antarabangsa dengan tujuan untuk menghimpunkan para ulamak dari semua wilayah umat Islam, bagi membincangkan tentang pelantikan semula Khalifah. Namun, usaha tersebut tidak membuahkan hasil kerana terdapat penentangan terhadap usaha ini sehingga menyebabkan persidangan tersebut terpaksa ditangguhkan. (Ardic, 2025).

Sementara itu, di semenanjung Arab Kerajaan Bani Saud telah menganjurkan Muktamar Alami Islam pada 1 Jun 1926, namun menemui jalan buntu. Di Indonesia hasil daripada gerakan Sarekat Islam sebelum itu telah menyebarkan idea-idea politik Islam. Hasilnya, sebanyak sembilan kali muktamar dianjurkan antara 1922 hingga 1933. Resolusi daripada muktamar-muktamar

ini telah ditubuhkan platform politik yang disebut Organisasi Masyarakat (ORMAS) dan Congres Committee Chalifat (CCC) (Kirillina et al., 2022).

Situasi ini berbeza dengan situasi di Tanah Melayu, di mana tidak mempunyai platform untuk menggerakkan gerakan mengembalikan Khilafah Islamiah. Namun, pada 1931 Kadi Besar Singapura ketika itu, Shaykh Abbas Taha mencadangkan supaya menubuhkan sebuah ‘Persatuan Ulamak Se-Tanah Melayu’ yang bertaraf nasional. Penerusan kepada idea ini akhirnya tertubuh Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) pada 7 April 1934M untuk menggerakkan kesedaran terhadap mengembalikan kuasa politik Islam. Persidangan diadakan beberapa kali di seluruh Tanah Melayu sehinggalah memberi kesan besar kepada perubahan politik. Namun, disebabkan tercetusnya Perang Dunia Kedua, pergerakan ini terhenti buat sementara waktu sehinggalah digerakkan semula oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy dengan menganjurkan Persidangan Majlis Agama Se-Malai pada 12-15 Disember 1944 di Kuala Kangsar (Amir & Rahman, 2023; Yunus, 2021).

Cetusan ini telah melahirkan persidangan seterusnya yang digerakkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir pada 1947 di Gunong Semanggol. Persidangan ini telah melahirkan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA). Pada 14 Mac 1948, MATA telah bersidang kali kedua, dan menubuhkan sebuah parti yang diberinama Hizbul Muslimin. Parti ini hanya dapat bergerak dalam tempoh yang singkat, kerana dilumpuhkan oleh Ordinan Darurat 1948. Setelah dilumpuhkan, sebahagian ulamak Tanah Melayu telah menyertai Bahagia Agama UMNO sejak 1949 (Haris, 2018; Hamimi & Zamri, 2018).

UMNO didesak untuk bertegas dalam isu-isu agama sehinggalah diadakan Persidangan Alim Ulamak Malaya di Muar pada 21-22 Februari 1950M. Resolusi persidangan ini gagal dilaksanakan oleh UMNO sehingga mendapat kritikan keras oleh para ulamak. Berikutnya UMNO bersetuju untuk mengadakan Persidangan Alim Ulamak Malaya Kedua pada 23 Ogos 1951 di Kuala Lumpur, dan di sini lahirlah Persatuan Ulamak Malaya yang berasingan daripada parti tersebut. Persidangan berikutnya anjuran Persatuan Ulamak Malaya pada 24 November 1951 di Butterworth, telah menubuhkan Persatuan Islam Se-Malaya (PAS). PAS berfungsi sebagai sebuah gerakan politik Islam yang baru menggantikan Hizbul Muslimin. Bermula 1955, PAS telah berdaftar sebagai sebuah parti yang sah, dan bertanding dalam pilihanraya untuk meneruskan usaha mengembalikan semula kuasa politik Islam sehinggalah ke hari ini (Haris, 2018).

Kesimpulannya, sejak pembubaran Sistem Khilafah Islamiyah, kesedaran untuk mengembalikan sistem kuasa politik Islam itu digerakkan melalui gerakan-gerakan Islam (Zaman et al., 2023). Antara yang terkenal di dunia Arab seperti Ikhwanul Muslimin yang ditubuhkan pada 1928. Di sekitar Afrika Barat, muncul Hizbul Istiqlal di Maghribi pada 1937. Di India muncul Jamaat Islami pada 1941. Di Indonesia muncul Majlis Syura Muslimin

Indonesia pada 1943 dan seterusnya Hizbul Muslimin di Tanah Melayu pada 1948, yang mana kemudiannya disambung oleh PAS pada 1951. Sejak 1955, PAS telah melibatkan diri dalam pilihanraya, untuk menegakkan kuasa politik dengan saluran sedia ada secara realistik (Alias et al., 2023; Esposito & Shahin, 2018; Yunus, 2018; Haris, 2018).

6. Mendepani Kekeliruan Terhadap Realiti Sistem Politik Kepartian di Malaysia

Malaysia adalah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) adalah sebagai ketua negara. Manakala negeri-negeri dipimpin oleh DYMM Sultan sebagai ketua peringkat negeri. Sementara itu, Parlimen ialah institusi perundangan tertinggi di dalam negara yang menggubal undang-undang. Parlimen Malaysia terdiri daripada YDPA, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah institusi perundangan tertinggi di peringkat negeri (Jaafar, 2018).

Sejak 1955, Malaysia telah melaksanakan pilihanraya umum kali pertama, untuk memilih anggota parlimen. Mereka yang terpilih sebagai ahli parlimen dan ahli DUN mempunyai autoriti untuk menentukan undang-undang Negara dan Negeri. Justeru, untuk berpartisipasi dalam pilihanraya secara kolektif, perlu berdaftar sebagai parti yang sah. Parti bermaksud satu golongan atau kumpulan orang yang bergerak untuk tujuan atau dasar yang sama dalam politik (Rus et al., 2021; Jaafar, 2018).

Undang-undang Islam wajib ditegakkan agar ia terdaulat. Dalam konteks Malaysia, untuk menegakkan undang-undang Islam perlu melalui platform Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Undang-undang Malaysia diluluskan melalui persetujuan majoriti ahli sidang, sama ada seperdua, atau sepertiga. Untuk mendapat majoriti ini, perlulah disepakati dan dipersetujui bersama. Justeru, dengan penubuhan parti politik adalah pendekatan yang paling signifikan bagi mencapai maksud tersebut. Melaluinya hak-hak kedaulatan Islam dapat disuarakan secara rasmi (Samah et al., 2023; Sulaiman et al., 2019; Jaafar, 2018).

Dengan meneliti maksud Islam, ia adalah sebuah sistem yang telah diaturkan oleh Allah SWT untuk semua manusia. Sistem ini adakalanya dirujuk oleh manusia, adakalanya tidak dirujuk. Ini menjadikan sistem yang ada di kalangan manusia tidak dilaksanakan mengikut ketetapan Allah SWT secara sepenuhnya. Ahli-ahli sidang Dewan Rakyat dan Dewan Undang Negeri, secara undang-undangnya boleh dilantik dari kalangan muslim atau kafir, berilmu atau jahil. Dengan realiti ini, agak sukar untuk melihat golongan

jahil atau kafir untuk mengetengahkan undang-undang Islam atau bersetuju untuk menggazetkannya sebagai undang-undang. Justeru, pendekatan yang paling tepat dan realistik adalah dengan adanya sebuah parti yang memperjuangkan undang-undang Islam (Samah et al., 2023; Azmi & Zaman, 2023; Sulaiman et al., 2019). Lebih membimbangkan apabila sistem demokrasi pilihan raya turut dimanfaatkan oleh pelbagai ideologi Barat dan musuh-musuh Islam di seluruh dunia sehingga berupaya menjejaskan martabat dan kedudukan Islam (Zaman et al., 2024; Sulaiman et al., 2019).

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati realiti politik kepartian di Malaysia amat menepati tafsiran ulama yang mengkategorikan parti kepada dua bentuk; Pertama, parti yang berpegang dengan al-Quran dan Sunnah, serta melaksanakan tuntutan agama, bahkan bertindak menyatukan ummat Islam. Yang kedua, parti yang memerangi Islam, dan bertindak memecahbelahkan ummat manusia. Justeru, dengan ruang demokrasi yang terbuka, sesiapa sahaja berhak diangkat sebagai salah seorang Ahli Sidang Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Maka, jika mereka yang memusuhi Islam memperoleh majoriti dalam dewan-dewan tersebut, berkemungkinan besar undang-undang yang merugikan Islam pula akan digazetkan. Justeru, realiti tersebut menyebabkan penglibatan umat Islam dalam politik kepartian menjadi sebahagian kewajipan utama pada masa kini.

Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa penglibatan dalam politik kepartian merupakan keutamaan yang tinggi bagi menghadapi situasi politik semasa dan selaras dengan ketetapan undang-undang sedia ada. Jika umat Islam memilih untuk tidak melibatkan diri dalam politik kepartian, ia akan memberi kesan kepada kedaulatan Islam di Malaysia, kerana kerusi-kerusi penggubal undang-undang akan diisi oleh parti-parti lain yang mempunyai matlamat yang berbeza dengan Islam.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, kekeliruan terhadap keharusan penglibatan umat Islam dalam politik kepartian yang lahir dalam sistem demokrasi pilihan raya merupakan polemik yang sering terjadi. Kekeliruan tersebut sering berlaku disebabkan kegagalan sebahagian umat Islam memahami batasan dan keharusan bersyarat berhubung penerimaan sistem demokrasi pilihan raya di kebanyakan negara Islam. Hasil analisis secara tematik terhadap nas-nas al-Quran, hadis-hadis dan hujah para ulama, kajian ini mendapati amalan politik kepartian merupakan sebahagian usaha utama yang menjadi keperluan masa kini bagi mencapai *maqasid* yang diwajibkan syarak iaitu kewajipan memperoleh kuasa politik Islam bagi tujuan memartabatkan kedaulatan Islam. Semoga kajian ini dapat menyatukan kefahaman umat Islam untuk memahami

kepentingan politik kepartian di samping mendorong penglibatan dengan parti politik yang jelas bermatlamat memperjuangkan kedaulatan Islam.

Rujukan

- Al-‘Asqalānī, I. H. (1970). *Fath al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*. Ed. al-Bāqī, Muḥammad Fu’ād Abd. Mesir: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Bukhārī, M. I. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ed. Al-Bughā, M. D. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Alias, A. Y., Hamil, J. H., & Syazli, M. I. (2023). Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari tahun 1970-an sehingga tahun 1999 di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002478-e002478.
- Al-Qaḥṭānī, S. A. (2011). *‘Aqīdah al-Muslim fī Ḍaw’i al-Kitāb wa al-Sunnah*. Riyadh: Maṭba‘ah Saḥīr.
- Al-Qurtubī, S. D. (1964). *Al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qurān*, ed. Aḥmad al-Bardūnī & Ibrāhīm Aṭfīsh. Kaherah: Dār al-Kutub al-Maṣriyyah.
- Al-Shāṭibī, I. M. (2008). *Al-‘Itisām*, Ed. Al-Shaqīr, M. A. R. et al. Arab Saudi: Dār Ibn Jawzī.
- Al-Ṭabari., M. J. (t.th). *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi’ al-Bayān*. Makkah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth.
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2023). Gerakan Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Tradisi: Islamic Movement In Malaysia: History And Tradition. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 111-125.
- Ardıç, N. (2025). The Caliphate Debates in Turkey and Beyond: Dissensus and Politicization. In *The Abolition of the Ottoman Caliphate, 1924* (pp. 41-64). Routledge.
- Awang, S. (2024). Traditional Islam and Modern Atheism According To Mustafa Sabri’s Thought. *SHAHIH: Journal of Islamicate Multidisciplinary*, 9(1), 57-68.
- Azmi, A. S., & Zaman, R. K. (2023). Ketegasan Rasulullah Berhubung Isu Akidah: Analisis Hadis-Hadis Berkaitan Gereja Dan Salib: The Prophet’s Stringent Attitude on The Issues of Faith: An Analysis on Ahadith Related to the Church and Cross. *Journal Of Hadith Studies*, 191-202.
- Bin Bāz, A. A. (2010). *Majmū’ Fatāwā wa Maqālāt Mutanawwi‘ah*. Arab Saudi: Ri’āsah Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah.
- Dar al-Iftā’ al-Miṣriyyah. (2018). *Muftī al-Jumhūriyyah fī Ḥiwāriḥ ‘ala On Live: Yad’ū al-Miṣriyyīn li al-Nuzūl bi kathāfah li al-Mushārakah fī al-‘Amaliyyah al-Intikhābiyyah li ‘Iṭā’ Risālah Ijābiyyah li al-‘Ālam*. Diakses pada 1 Mac 2025. <https://www.dar-alifta.org/ar/articles/details/5637/-المصريين-على-اون-لايف-يدعو-المصريين-للنزول-بكتافة-للمشارك>
- Esposito, J. L., & Shahin, E. E. D. (Eds.). (2018). *Key Islamic political thinkers*. Oxford University Press.
- Hamimi, K. A. B., & Zamri, A. Z. B. (2018). Ustaz Abu Bakar Al-Baqir: Ulama Dan Pejuang Kemerdekaan Tanah Melayu: Ustaz Abu Bakar al-Baqir: Ulama and Freedom Fighter of Malaya. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 27, 121-â.
- Haris, A. H. (2018). Ulama dan Perjuangan Politik: Peranan Masyumi Terhadap Penubuhan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1947-1948: Ulama and Political Struggle: The Role of Masyumi towards the Establishment of Hizbul Muslimin in Malaya, 1947-1948. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(3), 104-112.

- Haris, A. H., & Othman, M. R. (2011). Kemal Atatürk dan Pembaharuan di Turki: Polemik dalam Akhbar dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-An. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 19(19).
- Ibn al-‘Arabī, A. B. (2003). *Aḥkām al-Qur’ān li Ibn al-‘Arabī*. Ed. ‘Aṭā, Muḥammad Abd al-Qādir. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Baṭṭāl, A. H. (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ed. Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Kathīr, A. F. (1999). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Ed. Abdullah bin Abd al-Muhsin al-Turki. Giza: Dar Hajar.
- Ibn Kathīr, A. F. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Ed. Al-Dīn, M. H. S. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jaafar, W. J. T. (2018). Kepimpinan Tradisional Malaysia Dalam Sistem Kerajaan Monarki Berparlimen. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 1-26.
- Khodavardian, S. (2022). Islam and democracy. *Kyklos*, 75(4), 580-606.
- Kirillina, S. A., Safronova, A. L., & Orlov, V. V. (2022). Caliphate in the Ideological dialogue of the Islamic World: The Case of Pan-Islamic Congress in Cairo (1926). *RUDN Journal of World History*, 14(1), 7-19.
- Muslim bin al-Ḥajjaj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Ed. Al-Bāqī, Muḥammad Fu’ād ‘Abd. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Rangkuti, A. (2018). Demokrasi dalam pandangan Islam dan Barat. *Jurnal Ilmiah Penegakan Hukum*, 5(2), 40-59.
- Rus, A. K. A. M., Rosli, M. K. A. M., & Johar, A. (2021). Pilihan Raya Di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1959 Dan Pengenalan First Past the Post. *Akademika*, 91(3), 63-77.
- Samah, N. H. A., Razak, N. S. A., Latifi, N. I. M., & Hamid, M. A. A. (2023). Konsep Kedaulatan Negara Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia: Analisis Berdasarkan Perspektif Siyadah Syariyyah: Concept of National Sovereignty in the Federal Constitution of Malaysia: Analysis Based on Siyadah Syariyyah Perspective. *ALBASIRAH JOURNAL*, 13(1), 01-12.
- Sulaiman, H., Alias, M. N., & Kamis, M. S. (2019). Analisis kritikal mengenai politik Islam di Malaysia. *ASEAN COMPARATIVE EDUCATION RESEARCH JOURNAL ON ISLAM AND CIVILIZATION (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 2(2), 1-17.
- Yunus, M. M. (2021). Pengaruh Turki Terhadap Sosio-Budaya Dunia Melayu: Turkish Influence On Socio-Culture Of The Malay World. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 49-68.
- Zaman, R. K., Fadzil, M. M., & Zarkasyi, H. F. (2024). The Influence of Abrahamic Faiths in the Religious Pluralism Agenda in Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 17-34.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., Ab Hamid, N. S., Mokhtar, K., & Jaafar, S. N. F. (2023). Pemetaan Modul Usrah Rabbani KIAS dan Kepentingannya dalam Pemantapan Jati Diri Siswa: The Mapping of Usrah Rabbani KIAS Module and Its Importance In Strengthening Students' Self-Identity. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 51-71.